

25/10/2002

Wartawan asing puji ketokohan Dr Mahathir

Kadir Dikoh

"VOSOTROS desde que pais?" (Anda dari negara mana?) tanya seorang wartawan wanita Mexico di pusat media antarabangsa Apec 2002. Saya cuma faham sedikit saja bahasa Sepanyol tetapi bila terdengar perkataan 'pais', saya agak maksudnya ialah negara.

"Malaysia", saya jawab dengan penuh yakin dan memang tepat. "Malasia?... Mahathir?", katanya bertanya balik. Ketika itu juga terlintas perkataan yang diajar oleh seorang petugas hotel dan dengan bersahaja saya menjawab: "Ninguno.... me illamo Kadir, no Mahathir (orang kat pejabat panggil Kadiro) yang bermaksud "Tidak, nama saya Kadir, bukan Mahathir".

Kemudian dia terus berbual dalam bahasa Sepanyol dengan beberapa kali menyebut 'Mahathir', 'Apec' dan 'Oktober', dengan sangkaannya saya boleh bercakap bahasa mereka tetapi ketika itu saya sudah dapat menangkap maksudnya ialah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bila dia tengok saya menggeleng kepala, dia minta maaf dan mula berbual dalam bahasa Inggeris pelat Mexico atau seperti orang Filipina bercakap Inggeris.

"Mahathir tidak datang untuk Apec?"

"Tidak"

"Jadi siapa ganti dia?"

"Abdullah Badawi"

"Perdana Menteri anda akan bersara Oktober 2003?"

"Yeap"

"Ohhh, sayang Perdana Menteri anda tidak datang ke sini (Apec). Beliau adalah seorang pemimpin hebat, lantang bersuara dan tidak takut kepada kuasa besar. Beliau pernah datang ke Mexico."

"Gracias" (terima kasih).

Wartawan berkulit sawo matang itu turut memuji tindakan Dr Mahathir menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ketika krisis ekonomi serantau 1997/98 dan mengakui tindakan kerajaannya (Mexico) menadah tangan kepada IMF membawa padah.

Itulah Dr Mahathir yang memang dikenali pada peringkat antarabangsa dan popular di kalangan wartawan asing kerana kelantangannya dan berterus terang serta menjadi suara kepada dunia ketiga atau negara miskin terutama di Afrika dan sekitar kepulauan Carribean. Tetapi tidak semua jawapannya pada sidang akhbar ketika menghadiri persidangan antarabangsa, disiarkan dan jika disiarkan pun, akan diputar belit.

Seorang rakan wartawan dari Malaysia yang pernah ditugaskan selama tiga tahun sebagai wakil akhbar di New York berkata, pernah pada satu sidang akhbar Dr Mahathir ditanya mengenai pandangannya terhadap Presiden Iraq, Saddam Hussein.

"Bila Perdana Menteri jawab bahawa beliau (Dr Mahathir) tidak kisah Saddam disingkirkan, asalkan dia seorang dan tidak membabitkan rakyat Iraq (terkorban), kenyataan itu diputarbelitkan.

'Mahathir sokong Saddam disingkirkan', itulah tajuk akhbar utama di Amerika keesokan harinya," katanya.

Malah ketika penulis membuat liputan mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di CooLum, Australia awal tahun ini, seorang wartawan dari kepulauan Carribean juga memuji Dr Mahathir.

"Beliau bukan saja pemimpin anda, malah pemimpin kami di negara membangun. Anda bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang berani, bijak dan berbisa," katanya.

